



# UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi    Centre for Research and Instrumentation Management

Rujukan: UKM 3.2.8/224/6

Tarikh: 5 Januari 2015

## PEKELILING CRIM BIL 1/2015

### DEKAN/PENGARAH

- Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Fakulti Pengajian Islam
- Fakulti Pendidikan
- Fakulti Undang-undang
- Fakulti Sains dan Teknologi
- Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
- Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina
- Fakulti Perubatan
- Fakulti Pergigian
- Fakulti Sains Kesihatan
- Fakulti Farmasi
- Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- UKM-Graduate School of Business (GSB)
- Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
- Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)
- Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS)
- Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)
- Institut Perubatan Molekul (UMBI)
- Institut Biologi Sistem (INBIOSIS)
- Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI)
- Institut Sel Fuel (SELFUEL)
- Institut Islam Hadhari (HADHARI)
- Institut Kajian Etnik (KITA)
- Institut Informatik Visual (IVI)
- Institut Perubahan Iklim (IPI)
- Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan (I-HEARS)
- Pusat PERMATAPintar Negara
- Pusat Pemerksaan Remaja (PERKASA)
- Pusat Kepimpinan Wanita Tun Fatimah Hashim (PKW)
- Pusat Inovasi Kolaboratif (PIK)
- Pusat Strategi Universiti (STRATEGI UKM)
- Pusat Citra Universiti (CITRA UKM)
- Pusat Pengajaran dan Teknologi Pembelajaran (PPTP)
- Pejabat Hubungan Industri (PHI)
- Pejabat Hubungan Universiti Masyarakat (PHUM)



MS ISO 9001:2008    Cert. No. : AR 5779

YBhg Dato'/Prof/Tuan/Puan,

## LAPORAN KEMAJUAN DAN LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

Saya dengan hormatnya ingin merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mesyuarat bersama Pusat Pengurusan Penyelidikan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) Bil 4/2013 bertarikh 10 Disember 2013 telah memaklumkan mengenai teguran dan sasaran Audit Negara iaitu :

- (a) Memastikan ketua penyelidik mengemukakan laporan prestasi mengikut tempoh yang ditetapkan. **Tindakan perlu diambil kepada penyelidik yang tidak menghantar laporan prestasi;**
- (b) Memantau KPI setiap projek penyelidikan dari segi modal insan dan penerbitan.
- (c) Memantau prestasi fizikal dan kewangan setiap projek penyelidikan.

3. Dalam hal ini, penyelidik yang menerima geran ScienceFund daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSTI) dan gagal menghantar laporan kemajuan atau Laporan Akhir Penyelidikan telah diambil tindakan oleh KSTI iaitu :

- (a) Membekukan peruntukan tahun berikutnya jika tidak menghantar laporan kemajuan.
- (b) Menyekat permohonan projek baru untuk tempoh dua (2) tahun jika tidak menghantar laporan akhir penyelidikan.

4. Sehubungan dengan ini, untuk memantapkan pengurusan pemantauan penyelidikan di UKM, Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 13/2014 bertarikh 28 Oktober 2014 telah membuat ketetapan untuk mengambil tindakan ke atas Ketua Penyelidik yang gagal menghantar laporan kemajuan penyelidikan dan laporan akhir penyelidikan iaitu :

- (a) Menangguhkan penggunaan peruntukan projek kepada penyelidik yang gagal mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan (mengikut tempoh yang ditetapkan), sehingga penyelidik mengemukakan Laporan Kemajuan Penyelidikan kepada Fakulti/Institut/Pusat. Penggunaan yang ditangguhkan adalah :
  - i) Pembelian (sama ada pesanan rasmi atau tanpa pesanan rasmi);
  - ii) Perjalanan (termasuk e-tiket) ; dan
  - iii) Menghadiri persidangan (e-MP).
- (b) Tidak memberarkan penyelidik memohon dana Universiti Penyelidikan dalam tempoh setahun iaitu dari tarikh jadual penghantaran laporan akhir yang ditetapkan (laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek).

- (c) Tidak meluluskan permohonan baru bagi penyelidik yang gagal menghasilkan KPI projek penyelidikan yang ditetapkan sehingga penyelidik mengemukakan hasil penerbitan.
- (d) Tindakan (b) dan (c) di atas adalah digunakan untuk semua geran Universiti Penyelidikan sahaja, manakala geran KSTI dan KPM adalah tertakluk kepada peraturan Kementerian.
4. Pelaksanaan peraturan ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
5. Kerjasama YBhg Dato'/Prof/tuan/puan adalah sangat dihargai untuk mengingatkan perkara ini kepada semua penyelidik dan memaklumkan kepada Urusetia Penyelidikan di bawah pengurusan YBhg Dato'/Prof/tuan/puan untuk memantau laporan kemajuan dan/atau penyelidikan di Fakulti/Institut/Pusat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

  
**PROF. DR. MUHAMMAD FAUZI BIN MOHD ZAIN**

Pengarah

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi

s.k :

- YBhg. Datuk Prof. Dr. Noor Azlan Ghazali  
Naib Canselor UKM
- YBhg. Dato' Prof. Dr. Mazlin Mokhtar  
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi ) UKM
- YBhg. Prof. Ir. Dr. Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat  
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik & Antarabangsa) UKM
- YBhg. Prof. Datin Noor Aziah Mohd Awal  
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar & Alumni) UKM
- YBhg. Prof. Dr. Imran Ho Abdullah  
Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat) UKM
- Pendaftar UKM
- Bendahari UKM
- Pustakawan UKM